



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

PENGARAH SYARIKAT MENGHADAPI 14 PERTUDUHAN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KUALA LUMPUR, 22 September – Seorang pengarah syarikat menghadapi 14 pertuduhan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Ng Swee Yin, 53 tahun yang juga merupakan Pengarah Syarikat Rulmel Sdn Bhd, didapati gagal mengemukakan Borang C bagi Tahun Taksiran 2001 hingga 2014 berdasarkan hasil penemuan siasatan yang dijalankan.

Tertuduh menghadapi 13 pertuduhan di bawah Seksyen 77A(1) dan Seksyen 112(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang membawa kepada hukuman denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali. Tertuduh turut menghadapi satu lagi pertuduhan di bawah peruntukan yang sama yang melibatkan Tahun Taksiran 2014 di mana jika disabitkan dengan kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM200.00 dan tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Kenyataan Media LHDNM, 23 September 2016

Bagaimanapun, tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Tuan Zuhair Bin Rosli dan mahkamah telah menetapkan tarikh sebutan semula kes pada 25 Oktober 2016 bagi penyerahan dokumen dan lantikan peguam.

Sila layari laman portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my untuk keterangan lanjut.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

The logo for HASIL (LHDNM) features the word "HASIL" in a bold, blue, sans-serif font. To its right, the tagline "Teman Keceriaan Anda" is written in a black, cursive script font. The entire logo is set against a light blue rectangular background.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 | 📠 : 03-8313 7836

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 23 September 2016